

03/07/2004

Yang ganjil & pelik di Muzium Ripley's, Genting Highlands

By Haswari Ali

KETIKA ini, Muzium Ripley's Believe It or Not! Malaysia (Ripley's) yang tersembunyi di First World Plaza, Genting Highlands mungkin masih belum cukup dikenali masyarakat tempatan sebagai lokasi yang wajar dikunjungi jika berkunjung ke taman tema terkenal di Asia itu.

Namun tahukah anda, muzium yang mula dibuka pada Oktober 2002 ini sebenarnya menyimpan lebih 500 bahan pameran pelik dan ganjil dari seluruh dunia yang diperakui ibu pejabat Ripley's di Florida, Amerika Syarikat (AS)?

Antaranya, pintu penjara Strangeways, England Utara yang mengeluarkan bunyi menyeramkan, kereta mini disaluti duit emas 24 karat, ikan duyung berkepala manusia berusia 162 tahun dan kepala mayat kecut puak Jivaro dari Ecuador.

Turut dipamerkan, helaian rambut Presiden AS pertama, George Washington, 10,453 tali leher bagi semua musim milik Bill Mc Daniel dari California, lukisan dari roti bakar dan peralatan kuno untuk menangkap pontianak!

Malah selain Genting Highlands yang menjadi lokasi ke-27 di dunia, muzium Ripley's turut didirikan di beberapa lokasi lain seluruh dunia termasuk Kanada, Mexico, Korea, Hong Kong, England, Filipina dan Thailand.

Kewujudan Ripley's Believe It or Not! adalah ilham seorang kartunis yang juga wartawan akhbar New York Globe, Robert Leroy Ripley (Robert Ripley) yang berasal dari Santa Rosa, California.

Semuanya bermula daripada lukisan kartun poplarnya yang mempamerkan kejayaan pelik dari pelbagai jenis sukan. Kartun itu pada awalnya diberi tajuk Champs and Chumps, bagaimanapun diubah kepada Believe It or Not!

Kebanyakan bahan pameran di muzium Ripley's adalah hasil penjelajahan Robert Ripley ke-198 negara yang dimulai lawatan pertamanya ke seluruh Eropah pada 1920. Digelar Marco Polo Moden, Ripley turut menjelajah Afrika Utara, Maghribi, New Zealand, Tibet, New Guinea dan Russia yang mana sejauh 23,100 kilometer melalui udara, 12,320 kilometer (kapal laut) dan 1,540 kilometer dengan menaiki unta, keldai dan kuda.

Pengurus Jualan dan Operasi Ripley's Believe It Or Not Sdn Bhd, Syed Ali Syed Hamzah, ketika di temui i-Kon baru-baru ini berkata, pihaknya mengalu-alukan penyertaan masyarakat tempatan untuk sama-sama mengabadikan perkara atau penemuan pelik juga pencapaian terbaik ke muzium berkenaan.

Katanya, setakat ini hanya dua bahan pameran tempatan dipamerkan di situ seperti memorial bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan terbaru motosikal terpanjang milik Mohd Hafiz Mohd Syariff dari Kluang, Johor.

"Matlamat kami ialah untuk menjadikan Ripley's bukan saja sebagai muzium tetapi sebagai tempat rujukan atau badan yang bertanggungjawab mencipta aktiviti luar biasa.

"Malah kami juga sedang giat berusaha memperkenalkan Ripley's ke seluruh negara dengan membawa beberapa penemuan, misalnya kehadiran manusia tertinggi dari Pakistan, baru-baru ini.

"Kami juga berharap untuk menjadi pelopor kepada muzium Ripley's yang lain, seperti mana rekod tertinggi di Asia Tenggara yang dicapai muzium Ripley's Filipina bagi rekod mendukung pasangan paling lama sempena Hari Kekasih, tidak lama dulu," katanya.

Syed Ali berkata, setiap permohonan boleh dibuat dengan menghubungi muzium berkenaan dan kemudian akan dikaji pihak bertanggungjawab seperti The Malaysia Book of Records (MBR) sebelum disahkan sendiri oleh ibu

pejabat Ripley's di Florida.

Sementara itu, beliau berkata setiap enam bulan, pihak muzium berkenaan akan bertukar-tukar bahan pameran dengan muzium lain di serata dunia supaya ia dapat dikongsi bersama.

Jelasnya, muzium Ripley's bukanlah sekadar muzium yang menyimpan bahan pelik atau ganjil sebaliknya sesuai dijadikan tempat menjana minda pelajar serta kanak-kanak khususnya.

Muzium dua tingkat seluas 1,115 meter persegi itu, terbahagi kepada 20 bahagian pameran yang memperuntukkan sekurang-kurangnya 45 minit bagi seseorang itu menyudahkan sesi lawatan mereka ke seluruh muzium

Apapun, usah terkejut, jika kehadiran anda ke sana disambut manusia separuh badan yang menunggu di pintu masuk. Ia hanyalah kehebatan teknik dan kesan fizik yang digunakan pihak muzium sebagai tarikan.

Bagi tujuan keselamatan, seluruh muzium itu dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) dan laluan kerusi roda elektronik bagi golongan cacat. Kalau berani, uji kecekalan diri anda dengan mengunjungi rumah hantu atau dikenali sebagai Haunted Adventure.

Ketika ini, program Ripley's Believe It or Not! yang diacarakan Dean Cain ke udara setiap Khamis, jam 9.30 malam di saluran TV3.

LOKASI:

Tingkat T2A, First World Plaza,
Genting Highlands, Pahang.

Tel: 03-6436 1611

Waktu operasi:

10 pagi - 10 malam

10 pagi - 11 malam (hujung minggu/ cuti umum)

Harga tiket:

RM20 (dewasa)

RM15 (kanak-kanak)

Harga combo (Muzium Ripley's + Haunted Adventure)

RM30 (dewasa)

RM24 (kanak-kanak)

(END)